

Headline **DR. IZUWAN mahu manfaat ilmu sebaik mungkin**  
Date **25 Sep 2010**  
MediaTitle **Mingguan Wanita**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Weekly**  
Circ / Read **135,036 / 320,000**

Language **Malay**  
Page No **100,101**  
Article Size **703 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,087**  
PRValue **18,260**



Dr. Izuwan dan Nooraizan gembira pesakit sembuh selepas rawatan.

# DR. IZUWAN mahu manfaat ilmu sebaik mungkin

PENGALAMAN MENEMANI IBUNYA MELAKUKAN RAWATAN HIDROTERAPI AIS DENGAN DR. ARSAD HAJI BUSU DI KLINIK CTV KUANTAN, PAHANG SEDIKIT MASA LALU MENJADI TITIK PERMULAAN KEPADA DR. IZUWAN OMAR @ ALI MENDALAMI PERUBATAN ALTERNATIF. DIA KAGUM DENGAN KEBERKESANAN KAEDAH RAWATAN INI BILA IBUNYA YANG MENGALAMI SAKIT LUTUT KEMBALI PULIH SELEPAS MENJALANI RAWATAN TERSEBUT.

**A**nak kelahiran Kemaman, Terengganu ini kemudiannya tekad melanjutkan pelajaran di Fakulti Universal Science Of Colour, Shah Alam, Selangor. Di sini, Dr. Izuwan mempelajari ilmu Colour Vibration Therapy (CVT).

"CVT merupakan perawatan pertama seumpamanya di dunia yang dipelopori oleh Prof. Emeritus Dr. Sir Norhisham Wahab di

Headline **DR. IZUWAN** mahu manfaat ilmu sebaik mungkin  
Date **25 Sep 2010**  
MediaTitle **Mingguan Wanita**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Weekly**  
Circ / Read **135,036 / 320,000**

Language **Malay**  
Page No **100,101**  
Article Size **703 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,087**  
PRValue **18,260**

mana beliau telah berjaya menggabungkan faktor-faktor cahaya, warna dan bunyi serta kaitannya dengan masa sebagai suatu keseimbangan alam semulajadi melalui penyediaan perkhidmatan, produk dan bahan ilmiah melalui Seni Sains Fizik Alamiah yang berasaskan Islamisasi ilmu.

"Malah paling utama terapi bukan sahaja bersandarkan kepada fakta dan pengkajian **sains**, tetapi ia juga turut menerapkan unsur-unsur **keagamaan**. Perawatan ini membenarkan pesakit untuk pulih secara semula jadi tanpa sebarang kesan sampingan.

"Rawatan CTV berkonsepkan keharmonian, keseimbangan dan keberaturan tenaga dalam badan manusia. Kaedah perawatan melalui empat fasa atau turut dikenali sebagai 4 dalam 1 iaitu Kelegaian(Fasa 1), Penyembuhan(Fasa 2), Pencegahan (Fasa 3) dan Pertahanan (Fasa 4).

"Paling menarik, formula rawatan CVT mampu membantu mengatasi pelbagai ketidakharmonian kesihatan merangkumi spiritual, emosi, mental dan fizikal. Selepas mendalami ilmu ini, saya mempraktikkannya.

Alhamdulillah, sehingga kini saya berjaya merawat pelbagai jenis penyakit yang dihadapi segenap lapisan masyarakat," ujarnya yang juga merupakan pemegang sarjana Muda Teknologi Makanan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Dr. Izuwan tidak keseorangan dalam perjuangan ini, dia bergabung tenaga dengan sahabat baiknya, Nooraizan Mamat bagi menabur bakti kepada masyarakat. Sebelum melakukan sebarang rawatan, mereka terlebih dahulu diagnosis pesakit bagi mengetahui penyakit yang dihadapi dan mencari punca penyakit.

Selepas mengetahui puncanya, mereka kemudiannya memberi formula CVT kepada pesakit. Sepanjang tempoh rawatan, pesakit harus mengikut garis panduan yang diberikan agar mendapat hasil maksimum.

"Kaedah perawatan ini bersifat semula jadi di mana ia lebih fokus kepada penyembuhan dan merawat sel-sel yang sudah lemah seterusnya mengembalikan tenaga dan semangat kepada pesakit agar kembali normal. Dengan kemantapan disiplin

dan kekerapan yang tinggi, pesakitlah yang sebenarnya berhak menentukan tempoh pemulihan penyakitnya.

"CTV dalam rawatan menangani penyakit adalah dengan mengenali warna dalam



Sementara itu, Nooraizan mengakui bertuah dapat menguasai ilmu CTV. Dia yang berpengalaman mengubati pelbagai jenis penyakit berasa gembira apabila pesakit sembuh selepas menjalani rawatan.

"Antara kenangan manis apabila dapat merawat pesakit buah pinggang. Di sini, kami merawat punca penyakit dan memberikan formula khusus untuk organ yang bermasalah. CTV mempunyai 20 formula yang mewakili 20 organ badan kita.

"Selain itu, saya dan Dr. Izuwan juga banyak membantu pasangan suami isteri yang bermasalah. Selepas rawatan, rumah tangga mereka bertambah bahagia dan mereka semakin serasi dan memahami antara satu sama lain," cerita Nooraizan.

### **Pulang ke kampung sebulan dua kali**

Ilmu yang diperoleh dimanfaatkan sebaik mungkin oleh Dr. Izuwan. Jejak berusia 25 tahun ini mahu menyumbangkan tenaga dan berkongsi ilmu dengan pelbagai lapisan masyarakat. Lantaran, beliau tidak keberatan berulang alik ke kampungnya di Terengganu bagi merawat penyakit yang dihadapi pesakit di sana.

"Memang pada mulanya sukar untuk meyakinkan orang mengenai rawatan ini. Namun selepas mencuba dan merasai sendiri keberkesanan rawatan, mereka mengakuinya. Saya

perspektif penyakit. Ragam, perangai, tingkah laku, cara berfikir, perasaan, semangat, perlakuan dan tindak tanduk setiap individu berkait rapat dengan inspirasi warna.

"Dalam CVT, kami membahagikan penyakit kepada dua jenis iaitu penyakit Medic (misalnya darah tinggi, kencing manis, jantung, penyakit kulit dan HIV Aids) dan penyakit Non-Medic (masalah tiada semangat, hubungan kekeluargaan, anak degil, berhalusinasi, panas baran dan banyak lagi)," kata Dr Izuwan.

Headline **DR. IZUWAN mahu manfaat ilmu sebaik mungkin**  
Date **25 Sep 2010**  
MediaTitle **Mingguan Wanita**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Weekly**  
Circ / Read **135,036 / 320,000**

Language **Malay**  
Page No **100,101**  
Article Size **703 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,087**  
PRValue **18,260**

berharap ilmu perubatan ini dapat dinikmati oleh semua orang.

“Seperti yang dinyatakan di dalam Al-Quran, setiap penyakit ada penawarnya. Kita sebagai manusia harus berusaha mencari penawar dengan mencuba pelbagai rawatan baik moden mahupun alternatif.

“Kepada orang ramai yang ingin mengetahui lanjut mengenai kaedah rawatan ini, mereka boleh menghantar e-mel kepada saya menerusi alamat drizuwana@TerapiDiri.com atau melayari laman web [www.TerapiDiri.com](http://www.TerapiDiri.com),”kata Dr. Izuwan yang akan membuka klinik bersama Nooraizan pada tahun 2011.

Di masa lapang, jejak berkulit cerah ini gemar membaca dan melayari internet bagi menambah ilmu. Dia juga sering meluangkan masa bersukan bagi mengekalkan kesihatan tubuh badan. Di akhir bicara, Dr. Izuwan bersyukur kerana hasrat murninya membantu orang ramai mendapat sokongan keluarga terutama ibu

dan bapanya, Noriah Haji Yahya dan Omar@ Ali Mohd @ Mat.



Dr. Izuwan menerangkan kelebihan formula CVT.

